

## **Pengaruh Fikrah Penerbit Berasaskan Tauhid Terhadap Kualiti Rancangan TV Islam**

*Md Rozalafri Johori*  
*rozalafri@kuis.edu.my*  
*Universiti Putra Malaysia (UPM)*

*Megat Al-Imran Yasin*  
*megat@upm.edu.my*  
*Universiti Putra Malaysia (UPM)*

*Nor Azura Adzharuddin*  
*zurh@upm.edu.my*  
*Universiti Putra Malaysia (UPM)*

*Rosya Izyanie Shamshudeen*  
*rosya@upm.edu.my*  
*Universiti Putra Malaysia (UPM)*

### **ABSTRAK**

Penerbitan rancangan TV Islam yang berkualiti merupakan suatu tugas yang mencabar kerana selain daripada perlu mempunyai kemahiran teknikal dan kreatif, penerbit juga perlu mempunyai kefahaman yang mantap dalam ilmu agama. Walaupun begitu, dalam industri penyiaran TV Islam, walaupun beragama Islam tidak semua penerbit mempunyai latar belakang pendidikan agama atau mempunyai kefahaman Islam yang mantap. Oleh itu, kajian kualitatif fenomenologi ini menggunakan rekabentuk temubual secara mendalam dengan informan yang terdiri daripada penerbit, pengurusan stesen TV dan personaliti agama rancangan TV Islam. Informan dipilih dengan teknik persempelan bertujuan dan teknik bola salji. Ini bagi mencapai objektif kajian iaitu untuk mengetahui pengaruh fikrah penerbit iaitu kefahaman Islam yang berasaskan tauhid terhadap kualiti rancangan TV Islam yang diterbitkan. Hasil kajian mendapati bahawa fikrah penerbit berasaskan tauhid sangat mempengaruhi kualiti rancangan TV Islam yang mana terdiri daripada tiga tema iaitu berkefahaman Islam dengan ilmu, prinsip hidup Islam dan kesedaran adalah hidayah Allah. Kesimpulan daripada kajian didapati bahawa fikrah Islam yang berasaskan tauhid dalam diri penerbit sangat mempengaruhi kualiti rancangan TV Islam yang dipersembahkan.

Kata kunci: Fikrah, TV Islam, Penerbit TV

### **Tawheed-based Fiqrah of Producer Influencing the Quality of Islamic TV Programmes.**

#### **ABSTRACT**

The production of quality Islamic TV programmes is a challenging task because in addition to having the technical and creative skills, the producer also needs to have a solid understanding of Islamic knowledge. However, in the Islamic TV industry, despite being Muslim, not all

publishers have a religious education background or have a strong Islamic understanding. Therefore, this phenomenological qualitative study uses in-depth interview design with informants ranging from publishers, TV station management and religious personalities of Islamic TV programmes. The informants are selected using purposive sampling techniques and snowball techniques. This is to achieve the objective of the study, to find out the influence of the producer's tawheed-based fiqrah on the quality of Islamic TV programmes. The results of the study found that the tawheed-based fiqrah of producers greatly influenced the quality of Islamic TV programs which consisted of three themes: understand Islam with knowledge, the principle of Islamic life and consciousness is Allah's guidance. The findings of the study show that Islamic faith-based devotion in the producers greatly influences the quality of Islamic TV programmes.

Keywords: Fiqrah, Islamic TV, TV Producer

Received: 22 June 2020

Accepted: 23 June 2020

Online Published: 30 June 2020

## PENGENALAN

Pengaruh penerbit ini adalah manifestasi fikrah Islam yang terdapat dalam diri mereka terhadap penerbitan rancangan TV Islam berlandaskan kepada pandangan hidup yang dimiliki berasaskan Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan. Fikrah penerbit dapat dihuraikan sebagai penentu kepada kualiti keseluruhan hasil produksi rancangan TV Islam. Ia merupakan faktor manusia kerana melibatkan kreativiti persembahan dan kandungan rancangan itu sendiri. Ini kerana, pandangan hidup seorang penerbit yang berteraskan Islam iaitu fikrah merupakan kerangka pemikiran yang tepat dalam memmanifestasi menerbitkan rancangan TV Islam yang berkualiti. Seorang penerbit yang mempunyai fikrah yang mantap dalam diri akan menjadikan penerbitan rancangan TV sebagai suatu ibadah yang mana meletakkan keutamaan adalah kepada Allah berbanding penilaian manusia.

Secara asasnya fikrah merupakan perlakuan seseorang yang diterjemahkan daripada cara berfikir yang mana ia dipandu daripada prinsip yang akan menentukan tingkahlaku (Abdul Hamid, 2011). Ia merupakan pandangan hidup (*worldview*) atau tasawwur Islam setiap muslim dengan cara berfikir yang dominan yang di dalamnya terkandung jelas sebuah konsep yang dimanifestasikan dalam kehidupan dalam menentukan seluruh cita rasa, cara fikir, sikap, nilai, prinsip-prinsip agama, serta seluruh hubungan sosial politik, yang dilandasi keintelektualan dan moral seseorang (Syed Husin, 1987; Haron Din, 1992; Syed Mohd. Naquib, 2011; Mohd Shukri, 2012; Jamiah et. al, 2013; Siti Raba'ah, 2013; Fikhry, 2015; Awang Sariyan, 2016). Ini menunjukkan bahawa Islam melihat pembangunan fikrah manusia sebagai keutamaan berdasarkan risalah *nubuwwah* yang menekankan penyempurnaan akhlak manusia yang merupakan "nilai dalaman" agar pandangan hidup Islam menjadi pola fikir yang sempurna dalam diri muslim.

Ini lebih menarik apabila Sarris, (1962) menyatakan bahawa "nilai dalaman" diri seorang penerbit merupakan asas kepada penghasilan sesebuah produksi yang berkualiti dan bermakna. Peranan premis ini berdasarkan teori auteur yang turut dipersetujui oleh ramai sarjana (Lihat Kolker, 2002; Cohen, 2004; Simpson et al., 2004; Raines, 2009; Asiah & Nur Kareelawati, 2011) yang memberi hujah bahawa kualiti sebuah hasil penerbitan rancangan TV adalah

dipengaruhi oleh nilai dalaman. Ia merupakan fikrah dalam konteks penerbitan rancangan TV Islam. Dalam konteks kajian ini, fikrah adalah manifestasi Islam yang terdapat dalam diri penerbit ke dalam setiap ruang penerbitan rancangan TV yang diterbitkan. Ini kerana Raines (2009) berpendapat bahawa penerbit adalah dianggap sebagai kuasa kreatif paling utama dalam sebuah penerbitan. Ini kerana, penilaian sesebuah rancangan TV Islam meletakkan fikrah penerbit yang menjadikan produksi yang diterbitkan sebagai sebuah *manhaj al-dakwah* atau kaedah dakwah. Malah *auteur* Islamik meletakkan sandaran utama sepenuhnya kepada Allah SWT kerana ia adalah kunci utama dalam diri seseorang hambaNya kerana seorang penerbit itu juga adalah hamba Allah (Wawarah, 2015)

Oleh itu berdasarkan konteks kajian, isu kualiti rancangan TV Islam telah mencetuskan persoalan-persoalan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini. Fenomena ini hanyalah permukaan yang kelihatan hasil kesan secara langsung daripada suatu isu yang lebih mendasar, yang mana harus difahami secara holistik dan mendalam. Oleh yang demikian, ini menjadikan penyelidikan yang dijalankan adalah relevan, iaitu berkenaan pengaruh fikrah penerbit berasaskan tauhid terhadap kualiti rancangan TV Islam.

## FIKRAH SEBAGAI PANDANGAN HIDUP ISLAM

Perbincangan berkenaan pandangan hidup Islam tidak dapat tidak untuk memahaminya berdasarkan istilah tasawwur. Menurut Haron Din (1992) dan Mohd Shukri (2012), tasawwur Islam merupakan gambaran bentuk Islam yang hakiki yang menjelaskan secara keseluruhan prinsip-prinsip asas Islam secara benar dan lengkap, sehingga bersebuti di dalam diri orang yang memahaminya. Tasawwur dikatakan memberi makna yang lebih luas. Malah Haron Din (1992) menyatakan maksud tasawwur adalah:

“Gambaran rupa bentuk sesuatu, dan apabila perkataan tasawwur dipadukan dengan perkataan Islam, ia bererti gambaran bentuk rupa Islam hakiki. Hal ini memberi erti bahawa tasawwur Islam itu bertujuan untuk menjelaskan secara keseluruhan prinsip-prinsip asas Islam yang boleh menjelaskan Islam yang sebenar lagi menyeluruh”.

Jelas bahawa fikrah merupakan perkataan Arab iaitu *فكرة* yang terdiri daripada huruf fa’, kaf, ra dan ha bermaksud fikrah. Menurut Kamus Dewan (2007), fikrah adalah membawa maksud berfikir dan pemikir atau pemikiran atau daya berfikir yang mempunyai hubungan dengan realiti sejarah sosial dan politik. Ia turut memberi maksud kepada pemikiran dan minda seseorang yang boleh mempengaruhi cara berfikir dan bertindak balas terhadap sesuatu perkara. Ia seerti dengan perkataan *mindset* dari *Word Princeton* (2017) iaitu ‘set minda’ atau mentaliti sikap mental khas atau sifat yang menentukan bagaimana seseorang akan menafsirkan dan bertindakbalas terhadap sesuatu situasi. Secara ringkas Rohi (1995) dalam Kamus Al-Mawrid tulisannya memberi maksud fikrah adalah idea, pemikiran, tanggapan, konsep, pandangan, pendapat, *impression* atau motif. Manakala kamus Al-Khalil oleh Abu Abdullah Hanafi (2006), fikrah bermaksud idea yang digerakkan, fikiran dalam minda iaitu berkenaan pendapat atau buah fikiran. Secara lebih terperinci definisi fikrah adalah berdasarkan *Al-Qamus al-Muhit wa al-Qabus al-Wasit* oleh Firuzabadi (1952), yang menyatakan perkataan fikrah adalah dalam bentuk *fi’il* (kata kerja) iaitu daripada perkataan *fakara* atau *yafkiru* yang bermaksud menggunakan akal untuk sesuatu yang diketahui atau untuk mengungkapkan sesuatu perkara yang tidak diketahui. Kamus ini turut menyatakan bahawa daripada perkataan fikrah lahirnya perkataan *tafkir* yang membawa maksud memfungsikan akal dalam sesuatu masalah bagi mendapatkan jalan penyelesaian.

Dapat penyelidik simpulkan bahawa fikrah adalah bagaimana individu memmanifestasikan Islam yang terdapat dalam dirinya dalam setiap aktiviti kehidupan yang berlandaskan kepada pandangan hidup yang dimilikinya. Individu memmanifestasi ajaran Islam yang merangkumi seluruh kehidupan sebagai individu mukmin. Ini kerana terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman beragama dengan personaliti beragama yang diterjemahkan sebagai fikrah diri. Oleh itu, pandangan hidup seorang penerbit yang berteraskan Islam iaitu fikrah merupakan kerangka pemikiran yang tepat dalam memmanifestasi menerbitkan rancangan TV Islam yang berkualiti. Seorang penerbit yang mempunyai fikrah yang mantap dalam diri akan menjadikan penerbitan rancangan TV sebagai suatu ibadah yang meletakkan keutamaan kepada Allah berbanding penilaian manusia.

Berdasarkan konteks kajian ini, terdapat keperluan untuk memahami fikrah iaitu pemikiran penerbit dalam konteks Islam. Fikrah penerbit dipercayai sangat mempengaruhi kualiti penerbitan rancangan TV Islam yang disiarkan setiap hari di saluran-saluran TV. Kepentingan bagi membincangkan peranan penerbit dalam menentukan rancangan TV yang mematuhi syarak adalah kerana menurut Azizan (1998), TV merupakan antara medium yang berupaya mempengaruhi sebilangan besar masyarakat menerusi pelbagai rancangan yang disajikan. Oleh itu, kesedaran Islam secara dalaman bagi diri penerbit sangat diperlukan dalam menerbitkan rancangan TV Islam yang berwibawa dan berkualiti.

Realitinya, tidak ramai penerbit mempunyai latar belakang pendidikan Islam yang diamanahkan sebagai penerbit rancangan TV Islam di stesen TV. Ini dinyatakan oleh Zulkiple (2006) bahawa terdapat terlalu sedikit golongan agamawan yang melibatkan diri dalam proses penerbitan rancangan TV. Oleh itu, penerbit tidak mempunyai kefahaman Islam yang mendalam kerana mereka tidak mempunyai asas agama yang mantap untuk menggarap kreativiti berkarya dengan fakta asas Islam. Sedangkan rancangan TV Islam merupakan genre pendidikan yang memerlukan fakta yang tepat, malah perlu dalam kerangka patuh syariah. Malah, seorang penerbit yang tiada pegangan Islam yang kukuh, peraturan-peraturan berkaitan akhlak dan prinsip-prinsip syariah dianggap sebagai penghalang utama untuk bersifat kreatif (Zulkiple, 2006). Tidak dinafikan bahawa penerbit yang menerbitkan rancangan TV Islam merupakan seorang muslim, namun syarat itu tidak mencukupi jika tidak mempunyai pandangan hidup Islam dengan kefahaman yang jelas tentang Islam yang hakiki. Fikrah Islamiah yang tinggi dalam diri seorang penerbit penting kerana rancangan TV Islam menjadi lebih bermakna sekiranya rancangan-rancangan yang dihasilkan mendapat sentuhan daripada individu yang memahami Islam yang berpandukan Al-Quran dan sunah. Dibimbangi berlakulah salah tafsiran dalam penerbitan rancangan TV Islam, iaitu menerbitkan rancangan TV yang hanya representasi Islam dan bukannya rancangan TV Islam dalam kerangka patuh syariah. Hakikatnya kini, berdasarkan pemerhatian realiti kehidupan umat Islam yang telah dibahaskan oleh Sheikh Ahmad Mahmoud (1995), menyatakan bahawa kebanyakan umat Islam hari ini mengikut kehendak syariat yang berkaitan dengan Islam dalam keadaan yang samar-samar dan disebabkan keadaan tersebut, mereka telah mengabaikan peraturan syariat yang berkaitan dengan *tariqah* (kaedah).

Dalam perbincangan ini penyelidik tidak menafikan pengetahuan Islam setiap penerbit rancangan TV Islam, tetapi adalah tidak memadai untuk seorang penerbit menerbitkan rancangan TV Islam jika tidak mempunyai kefahaman yang jelas tentang pandangan hidup Islam. Adalah juga tidak adil jika terdapat polisi yang hanya membenarkan penerbit yang hanya berlatarbelakang pengajian Islam boleh menerbitkan rancangan TV Islam. Dalam hal ini

terdapat dua pendekatan yang perlu dimainkan oleh pihak stesen TV dalam membentuk penerbit yang berfikirah Islam, iaitu pendekatan dari sudut tanggungjawab sosial dan juga dari sudut pembangunan insan. Malah pelbagai strategi boleh diambil bagi mengatasi isu ini secara lebih menyeluruh dan berhikmah kerana Islam adalah pendidikan dan dakwah.

Ini kerana, penerbit adalah individu utama untuk memastikan hala tuju rancangan TV Islam itu menepati patuh syariah kerana menurut kajian yang berkaitan penerbitan drama Islam, Siti Rugayah (2000) menyatakan bahawa penerbit yang memimpin produksi perlu mendalami syariat Islam terlebih dahulu agar mesej yang disampaikan itu bertepatan dengan kehendak Islam, dan untuk mengatasi masalah tersebut, beliau boleh bekerjasama dengan agamawan dalam memberi nasihat dan idea berkenaan prinsip Islam yang sebenar. Penerbit adalah individu penting yang diberikan tanggungjawab memimpin produksi secara langsung mempengaruhi kandungan dan kreativiti persembahan rancangan. Berdasarkan hasil kajian Wawarah (2018) mendapati antara sifat pengarah drama Islam yang boleh diadaptasi kepada penerbit rancangan TV Islam ialah:

1. Menelusuri tanggungjawab sebagai hamba Allah, segala yang dilakukan oleh individu dalam kehidupan ini adalah bertujuan mencari redha Allah.
2. Sebagai pemimpin yang mempunyai kuasa yang paling tinggi dan mempunyai hak untuk menentukan hala tuju sesebuah hasil karyanya dan kuasa memimpin tingkah laku krew.
3. Falsafah yang berpandukan Al-Quran dan Sunah yang mempunyai kefahaman dengan membentuk pola fikir melalui neraca Al-Quran dan sunah.
4. Sifat peribadi yang menggalas bakat seni yang dimiliki sebagai amanah yang akan diperhitungkan di akhirat kelak.

Ini kerana tujuan manusia di dunia ini hanyalah kerana Allah. Jadi, inilah tunjang fikrah Islam yang perlu subur dalam jiwa seorang penerbit rancangan TV berdasarkan firman Allah dalam surah Al-Hasyr, ayat 18:

*Hai orang-orang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memerhatikan apa yang dibuatnya untuk hari esok (akhirat), dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.*

Justeru, fikrah seorang penerbit yang mana penerbitan rancangan TV Islam yang disarankan oleh Fathi (2008), merangkumi empat asas dalam penyampaian maklumat iaitu menegakkan kebenaran (*al-sidq*), bersifat realiti (*waqi'iyah*), bersifat anjal (*murunah*) dan bersifat sempurna (*syumuliyah*). Keempat-empat asas penerbitan rancangan TV ini adalah penting untuk menentukan kualiti sesebuah rancangan TV Islam dalam kerangka patuh syariah. Menurut Musa dan Narimah (1998), secara ringkas peranan penerbit mestilah bertitik tolak daripada prinsip *al-amru bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* (menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran). Perkara ini menjadi tanggungjawab penerbit yang juga berperanan sebagai khalifah dan dai secara langsung. Ini kerana, tujuan tertinggi hubungan dengan Allah adalah untuk membentuk taqwa, iaitu sifat yang sentiasa menguasai perilaku individu sepanjang masa. Islam bukan hanya amalan tetapi merupakan penghayatan dari segi pemikiran dan perlakuan. Ia diterjemah di dalam kehidupan seseorang yang menepati fikrah Islam yang bertanggungjawab menyeru kepada kebaikan. Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:


*Sebaik-baik manusia ialah yang paling bermanfaat kepada manusia yang lain.*

Hakikatnya, produk atau perkhidmatan yang berkualiti bermula dengan melahirkan manusia yang berkualiti (INTAN, 1994). Untuk memberi manfaat kepada insan lain, wasilah yang paling penting ialah ilmu dan kesedaran. Ini kerana insan yang paling banyak memberi manfaat kepada insan lain dicintai Allah. Oleh itu, TV perlu dimanfaatkan sepenuhnya sebagai medium komunikasi yang berpengaruh dengan dakwah dan tarbiyah agar mampu membina generasi yang dapat membangunkan masyarakat dengan asas Islam yang kukuh.

**TEORI AUTEUR DAN FIKRAH PENERBIT**

Bagi melihat perkaitan antara fikrah dengan kualiti penerbitan rancangan TV Islam, penyelidikan ini menggunakan teori *auteur* sebagai asas kerangka teoritikal kajian. Ini bagi membincangkan skop pengaruh fikrah penerbit terhadap kualiti penerbitan rancangan TV Islam. Teori merupakan model atau peta yang menjelaskan sesuatu fenomena (Strauss, 1995). Ia adalah kaedah meringkaskan suatu fenomena yang bertujuan untuk menjelaskan dan menerangkan beberapa aspek bagaimana sesuatu itu berlaku. Ia bukan semata-mata "kerangka kerja", tetapi merupakan ringkasan tentang fenomena yang difikirkan berlaku dan mengapa ia berlaku. Teori yang baik adalah suatu teori yang mampu menjelaskan sesuatu fenomena, yang mana mampu memberi pandangan baru dan meluaskan kefahaman tentang sesuatu fenomena (Maxwell, 2009). Berdasarkan pandangan tersebut, kajian ini dijalankan berpandukan teori *auteur* (kepengarangan) (Sarris, 1962) dalam memahami pengaruh fikrah seorang penerbit terhadap kualiti rancangan TV Islam yang diterbitkannya. *Auteur* adalah berasal daripada Bahasa Perancis yang bererti pengarang dan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai "*author*".

Teori ini kebiasaannya digunakan dalam bidang perfileman yang mana menyatakan bahawa hasil produksi adalah merupakan representasi tiga elemen diri penerbit iaitu pengetahuan teknikal, gaya peribadi dan cerminan kesedaran dalaman yang wujud dalam diri seorang pengarah filem dalam menghasilkan karya. Prinsip teori ini menyatakan bahawa hasil produksi adalah merupakan cerminan kesedaran dalaman visi yang wujud dalam diri seorang penerbit. Model teori *auteur* digambarkan sebagai tiga bulatan sepusat: bulatan luar sebagai teknik; bulatan tengah sebagai gaya peribadi dan bulatan dalaman adalah makna dalaman. Secara ringkasnya, dalam setiap penerbitan, peranan penerbit adalah sebagai seorang juruteknik, (juruperagaan) *stylist*, dan *auteur* (Cohen, 2004). Ketiga-tiga elemen ini dapat diperhatikan seperti gambarajah 1 berikut:



**Gambarajah 1: Model Teori *Auteur* (Sarris, 1962)**

Berdasarkan asas tiga elemen tersebut, penyelidik mendapati ia sesuai untuk digunakan dalam penerbitan rancangan TV walaupun medium media berbeza. Ini kerana persekitaran dan proses penerbitan TV dan filem hampir sama. Maka, kajian ini menggunakan teori *auteur* dalam penerbitan sesebuah rancangan TV Islam kerana ia merupakan representasi diri penerbit dalam produksi yang diterbitkan. Ini kerana kualiti dan kejayaan sesebuah rancangan TV banyak didominasi oleh penerbit. Penerbit mempunyai kuasa autoriti yang sangat tinggi berkreativiti dalam menyampaikan mesej yang tersurat dan tersirat dalam sesebuah hasil penerbitan.

Selain itu, *auteur* dalam dunia pengarah ialah keadaan yang mana seseorang pengarah memasukkan pandangan hidup ke dalam karyanya. Begitu juga dengan Islam, menurut Yusuf Al-Qaradawi (2012), Islam menganggap manusia adalah insan yang bertanggungjawab terhadap perkara yang berada disekitarnya dan mereka mampu mengubahnya berdasarkan perubahan yang berlaku dalam dirinya iaitu merubah pemikiran, arah tuju dan sikap yang menyebabkan berubahlah keadaan persekitarannya sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ra'd ayat 11 iaitu:

*Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.*

Jadi, penerbit yang beriman dengan ayat ini perlu mempunyai kesedaran bahawa penting untuk mereka mengubah diri yang berasaskan perubahan dalaman diri. Perubahan diri untuk menjadi lebih baik dalam semua keadaan perlulah dengan cetusan dalaman berdasarkan pemikiran, arah tuju diri dan sikap yang merupakan asas kepada perbincangan dapatan kajian.

## **KONSEP KUALITI RANCANGAN TV**

Persoalan berkenaan kualiti rancangan TV pernah dinyatakan oleh Chris Barker (1987) bahawa ia bukanlah suatu pertanyaan yang tidak mampu dijawab, namun kualiti itu sendiri merupakan perkara yang subjektif dan perlu merujuk kepada beberapa ciri dan kaedah untuk memenuhi kualiti sesebuah rancangan TV. Megat (2004), turut bersependapat dengan menyatakan bahawa kualiti sesebuah rancangan TV adalah suatu dimensi yang abstrak dan subjektif dan mempunyai kaitan yang signifikan dengan kemampuannya menarik perhatian penonton yang ramai. Kedua-dua pandangan ini senada dalam menilai kualiti rancangan TV tetapi dalam masa yang sama ia jelas menunjukkan bahawa kualiti rancangan TV mampu diukur kerana ia mempunyai ciri-ciri tersendiri. Jika diteliti pandangan Megat (2004) di atas, menunjukkan bahawa penilaian kualiti adalah daripada perspektif penonton. Takrifan kualiti rancangan TV adalah penting dalam landskap penyiaran, namun disebabkan ia merupakan suatu konsep yang subjektif dan abstrak, maka perlu ada kriteria dan mekanisme yang boleh menyumbang kepada pengenalan terhadap ciri-ciri sebuah rancangan TV yang berkualiti. Namun dalam kajian ini kualiti rancangan TV Islam ditakrifkan berdasarkan orientasi penerbit.


### **Kualiti berorientasikan penerbit**

Dalam penerbitan rancangan TV Islam, kualiti adalah daripada perspektif penerbit yang merupakan pakar dan profesional dalam bidang. Ini kerana seorang penerbit mampu menilai sesebuah rancangan berdasarkan ilmu, pengalaman dan kajian yang mereka lakukan terhadap sambutan penonton serta informasi yang berguna kepada khalayak dalam pelbagai aspek. Penilaian-penilaian ini memberi makna dalam menentukan penerbitan tersebut berkualiti atau tidak, dan dalam masa yang sama mencari idea yang lebih kreatif menarik perhatian penonton.

Menurut Papathanassopoulos (1993), antara kriteria penentu sesebuah rancangan TV yang berkualiti adalah:

1. Penerbit rancangan tidak bekerja dalam keadaan yang tertekan seperti mengejar *dateline*.
2. Kumpulan produksi mempunyai krew-krew yang profesional.
3. Rancangan tersebut perlu mempunyai elemen pendidikan dan memberi kesedaran kepada penonton.

Selain itu, rancangan TV yang berkualiti juga bertindak dalam menghormati dan mematuhi hak dan prinsip individu seperti tidak mencerooboh kehidupan peribadi seseorang. Malah, representasi kepelbagaian beberapa golongan masyarakat dalam sesebuah rancangan juga turut dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti dalam sesebuah rancangan TV (Papathanassopoulos, 1993). Oleh itu pengukuran konsep dimensi kualiti perkhidmatan daripada perspektif penerbit yang berorientasikan produksi daripada Gronroos (1984) seperti dalam gambarajah di bawah:



**Gambarajah 2: Model Kualiti Perkhidmatan Gronroos (1984)**

Model Kualiti Perkhidmatan Gronroos (1984) di atas melibatkan tiga dimensi konsep kualiti yang boleh diaplikasikan dalam perspektif kajian ini iaitu:

1. Kualiti teknikal yang melibatkan produk dan kreativiti persembahan dan ketrampilan.
2. Kualiti fungsi yang mana kandungan produk atau perkhidmatan memenuhi keperluan dan kehendak semasa.
3. Kualiti reputasi (yang melibatkan kredibiliti dan kepercayaan terhadap jenama, imej institusi atau individu disebalik produk atau perkhidmatan tersebut).

Berdasarkan kepada model ini, dimensi dan ciri-ciri yang dibincangkan hampir sama untuk dijadikan asas kepada konsep kualiti dalam penerbitan rancangan TV Islam. Berdasarkan perbincangan, dalam kajian ini penyelidik menggunakan takrifan kualiti adalah daripada perspektif penerbit kerana ia mempunyai pengaruh yang besar terhadap kualiti rancangan TV Islam bersandarkan kepakaran dan profesionalisme mereka dalam profesion ini. Justeru, dalam



kajian ini penyelidik menjadikan dimensi dan elemen-elemen tersebut sebagai asas kepada analisis data.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dilakukan melalui temubual secara mendalam dengan informan iaitu terdiri daripada penerbit, pengurusan stesen TV dan personaliti agama secara interpersonal yang dilakukan selama 40 hingga 60 minit. Informan dipilih dengan teknik persempelan bertujuan dan teknik bola salji kerana untuk mendapatkan temujanji temubual adalah sukar kerana jadual informan ketat dengan tugas penerbitan dan pentadbiran. Selain itu, teknik pemilihan ini digunakan kerana kajian ini memerlukan maklumat secara khusus daripada informan. Soalan-soalan temubual pula dikemukakan secara tidak berstruktur supaya temubual dapat dilakukan dengan santai dan jawapan dapat diterima dengan mendalam secara semulajadi dan efektif. Cara ini juga mudah untuk meneroka maklumat baru kerana ia kurang kawalan dan bersifat anjal yang memudahkan informan menceritakan pandangan dan pengalaman mereka.

Keseluruhan audio sesi temubual dirakam dan kemudian ditranskripkan satu persatu patah perkataan bagi mendapatkan data yang lebih tepat dan terperinci untuk di analisis. Keseluruhan transkripsi dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 7.1. Semua transkrip yang telah disemakkan akan melalui proses pengkodan secara deduktif iaitu dengan membaca teks, kemudian memberi kod kepada teks tersebut di dalam perisian Atlas.ti tersebut. Perisian ini menyediakan secara sistematik pemilihan segmen-segmen dari transkrip atau quotation bagi mewakili satu konsep atau idea yang diringkaskan sebagai kod. Kod-kod ini boleh di visualkan secara grafik melalui gambarajah network dengan menunjukkan perkaitan setiap kod dengan tema, quotation mahupun memo.

Penggunaan perisian ini penting bagi memastikan proses pengkodan dijalankan dengan menyeluruh dan konsisten. Proses pengkodan telah dijalankan sehingga membentuk tema-tema yang mewakili konstruk-konstruk kategori yang mewakili pengaruh fikrah berasaskan tauhid kepada kualiti rancangan TV Islam. Melalui perisian ini, kategori setiap pengaruh ditemakan yang menunjukkan hubungan antara kategori dan tema dan bagaimana ia mempunyai perkaitan dengan paten dan seterusnya memberi makna kepada data.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis terhadap data yang diperolehi daripada informan, penyelidik menyenaraikan tiga kategori tema-tema pengaruh fikrah penerbit berasaskan tauhid terhadap penerbitan rancangan TV Islam. Ini kerana dalam penerbitan rancangan TV Islam, ia perlu diisi kandungannya dengan elemen-elemen fikrah Islam. Ini seperti yang dinyatakan informan penerbit P02 yang mana penerbit rancangan TV Islam seharusnya mempunyai fikrah kefahaman dan pegangan yang kuat terhadap Rukun Islam dan Rukun Iman. Ini kerana rukun-rukun ini akan menjadi panduan penerbit agar tidak terpesong dalam menyediakan kandungan rancangan. Ia diperincikan informan seperti berikut:

“...Penerbit ni, dia kena ada asas. Kena ada asas. Sekurang-kurangnya asas kepada *basic* dia kena tahu Rukun Islam, Rukun Iman. Cukuplah. Bila dia tahu Rukun Islam, Rukun Iman, bila dia dah terpesong, berangan, sebelum dia nak buat apa-apa, dia fikir balik eh boleh ke? Dia kena begitu. ...”

Justeru, penerbitan rancangan TV perlulah berpegang kepada falsafah dan nilai budi kerana hasil kerja berbentuk kreatif memberi makna kepada pemikiran yang timbul daripada

pandangan hidup dan kepada nilai-nilai yang terjelma di dalam masyarakat (Syed Husin Ali, 1987). Berdasarkan perbincangan yang lebih luas, asas fikrah adalah bersandarkan kepada tauhid, syariat dan ihsan. Namun dalam artikel ini penyelidik membincangkan pengaruh tauhid sahaja.

Ini kerana tauhid adalah asas keimanan umat Islam yang berteraskan kepada enam Rukun Iman iaitu beriman pada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada rasul, beriman kepada kitab Allah, beriman kepada hari kiamat dan beriman kepada qada dan qadar. Konsep tauhid dalam segala tindakan manusia adalah meletakkan Allah sebagai tujuan utama dalam setiap tindakan dan keputusan yang merupakan hubungan antara Tuhan dan hamba (*hablum min Allah*). Jadi tauhid adalah meletakkan tujuan semua tindakan sebagai seorang penerbit TV Islam dengan fokus hanya untuk keredaan Allah iaitu dalam hubungan vertikal antara insan dan Allah. Ini kerana penyiaran juga dianggap sebagai “jalan” bagi mengenal Allah (Marzuki et al., 2016)

Ini diperakui oleh informan penerbit P02, menerbitkan rancangan TV Islam ini sebenarnya menguji kepada ketauhidan beliau sepanjang terlibat dalam dunia penyiaran. Ini merupakan pengalaman beliau yang meletakkan semua persoalan dalam diri terhadap kepercayaan semua yang dilakukan adalah kerana Allah. Ini menyebabkan beliau menyingkap semula kepada Rukun Islam dan Rukun Iman. Ini seperti yang diceritakan di bawah:

“...Dia nampak macam akidah sikitlah tapi ini the *reality* tau. *You have ask ourself* siapa kita sebenarnya. Kau ada lah Islam kau adalah muslim. *So* kalau kau betul Islam kau ikut je *dont ask why why* tak ada. Kan ramai orang tanya kenapa nak kena macam ni? Kenapa nak kena macam ni? Ikut je. *So start* daripada tu saya pelan-pelan buatlah apa yang dikatakan Islam 5 perkara, pertama mengucap dua kalimah syahadah, *so* kena *remind* tau. Kadang ada satu benda macam kita was-was kan ok Rukun Iman berapa, 6 perkara. Percaya kepada ni. Itu *decision* tau sebenarnya. ...”

Ini merupakan asas pertama kepada fikrah Islam seorang muslim bagi seorang penerbit. Jadi, berdasarkan Rukun Iman yang merupakan asas kepada pandangan hidup muslim yang kukuh. Ia merupakan acuan hidup yang diasaskan oleh Rasulullah S.A.W. Kategori ini dibincangkan secara mendalam sebagai asas fikrah penerbit dalam tema-tema berikut:

### 1. Berkefahaman Islam dengan ilmu

Seorang penerbit yang kompeten yang menerbitkan rancangan TV Islam adalah individu yang mempunyai pemikiran dan kefahaman agama yang mendalam. Menurut informan personaliti agama S01, pengetahuan agama yang luas akan melahirkan seorang penerbit yang mempunyai fikrah yang baik. Penerbit mampu membimbing penyampai, penceramah atau *host* untuk mengendalikan rancangan menjadi lebih berkualiti. Terutama dalam penyampaian kandungan kerana penerbit memahami apa yang beliau ingin realisasikan. Ini menurut personaliti Islam seperti di bawah:

“...Setakat ni alhamdulillah kerana *produser* saya Encik Muhaimin memang yang duduk dalam bidang agama. Bila perspektif ini antara yang saya nak beritahu lah apabila seorang *produser* dia ada skop ruang lingkup agama yang luas dengan fikrah yang cantik, dengan penyampai atau penceramah ataupun *host* maka, program tadi dia akan jadi satu program yang sangat *incredible*. ...”

Menurut informan penerbit P07, individu yang mempunyai latar belakang Islam yang mendalam sangat sesuai menerbitkan rancangan TV Islam. Penerbit seperti ini mempunyai pakej yang lengkap kerana mempunyai kemahiran teknikal dan pengetahuan agama. Ini dinyatakan seperti berikut:

“...Orang agama buat program TV memang sesuai lah. Dia orang macam ni lagi bagus sebenarnya. Kreatif dan ada ilmu agama. *Packages*. Kalau penerbit memang orang yang ada agama ni memang okay lah. ...”

Informan P11 turut bersetuju bahawa penerbit yang akan menerbitkan rancangan TV Islam perlu mempunyai ilmu Islam yang mendalam. Ini kerana, penerbit yang tidak mempunyai ilmu tersebut tetapi menerbitkan rancangan TV Islam, ia bakal mengundang kepada masalah kerana ketidakfahaman kepada sensitiviti Islam. Jadi untuk menerbitkan rancangan TV Islam, penerbit sekurang-kurangnya mempunyai pengetahuan asas Islam yang kukuh. Ini seperti yang beliau nyatakan seperti berikut:

“...Siapa yang nak buat program agama ni memang kena ada ilmu. Tak boleh macam sekarang ini. Ada *certain 2, 3 produser* bahagian *entertainment* dilatih untuk terbitkan program agama sebab dia nak *urban* kan. Tak ada masalah, sebab bukan kita nak kita ni ada ilmu ke tak. Tapi, bila dia bagi pada orang yang tak ada *basic* agama, dia jadi macam masalah. Ingat tak kes dulu ada artis baca Al-Quran, program tu tarik balik sebab baca salah. ...”

Ini kerana penerbitan rancangan TV Islam yang berkualiti perlu lahir daripada penerbit yang mempunyai latar belakang pendidikan Islam yang mantap. Ia menurut pandangan Informan pengurusan TV M01 yang mana seorang penerbit yang mempunyai latar belakang pendidikan Islam sangat sesuai untuk menjadi penerbit rancangan TV Islam. Seperti kenyataan beliau di bawah:

“...Pemahaman *at least* kena ada lah. *Islamic background*. Tapi, kalau kau nak kata mendalam ke, tak mendalam ke, perlu baguslah kalau ada kan. ...”

Pandangan tersebut turut dipersetujui oleh informan penerbit P01. Bagi beliau, dalam penerbitan rancangan TV Islam, penerbit perlu ada latar belakang pendidikan Islam yang mantap. Namun begitu, pandangan ini terlalu ideal yang mana boleh juga dilantik pembantu atau penasihat penerbitan yang mempunyai latar belakang pendidikan Islam dalam kumpulan produksi. Ini bertujuan agar mereka mampu memberi pandangan dan nasihat. Ini merupakan pandangan beliau yang merupakan penerbit yang bukan berlatarbelakang pendidikan Islam. Oleh itu beliau sering merujuk kepada ustaz untuk membuat sesuatu keputusan yang berkaitan Islam. Berikut merupakan pandangan beliau berdasarkan pengalaman:

“...Untuk program agama, kalau pandangan saya, memang kena ada *background* agama. Setidak-tidaknya *at least, assistant* dia pun ada. Saya kurang. *That's why* saya cakap saya banyak *refer* pada ustaz. *So* kelemahan saya ni terhad dekat situlah. Saya nak macam ni, rupanya ada kekangan dia. Jadi, terpaksa lah kita *refer back to* ustaz. Jadi, saya ada lagi satu *step* kalau orang tu ada *background* agama, *directly* mungkin dia terus boleh buat *decision* masa tu jugalah. Dan paling kurang pun *assistant* saya kena ada *background* agama juga. ...”

Pandangan informan penerbit P01 turut dipersetujui dan diulas dengan mendalam oleh informan personaliti Islam S01. Dalam penglibatan beliau dalam penerbitan rancangan TV Islam, kebanyakan penerbit tidak mempunyai latar belakang pendidikan Islam tetapi mereka dibantu oleh ahli kumpulan produksi yang mempunyai fikrah Islam dan mempunyai latar belakang pendidikan Islam. Jadi, mereka berperanan membantu penerbit dalam memberikan

pandangan dan nasihat agama. Ini kerana seperti pendapat informan penerbit P01, informan S01 turut berpendapat adalah terlalu ideal jika pengurusan stesen TV membuat peraturan bahawa penerbitan rancangan TV Islam hanya dikendalikan oleh penerbit yang mempunyai latar belakang pendidikan Islam sahaja. Pandangan secara mendalam informan S01 seperti berikut:

“...Berbalik pula kepada fikrah kepada *produser-produser* yang lain setakat ini bagi yang pengalaman saya, walaupun saya terlibat dengan program agama dan *produser* mereka tidak agama tetapi orang bawahannya seperti *floor manager*, FM, SD adalah orang yang fikrah agama dan mengaji agama. Jadi memudahkan kerja saya seperti Forum Perdana Ehwat Islam, pengiringnya, *cameraman* nya, *even* dia punya *floor manager* semuanya orang yang ada agama, begitu juga dengan Tanyalah Ustaz. Orang yang datang membimbing kita orang yang terlibat *even* digelar oleh semua orang Ustaz. Begitu juga, dengan program Tahfiz Muda yang mengiring saya yang memberitahu *content* kepada saya adalah yang terlibat dengan usrah-usrah yang dikendalikan oleh Ustaz Zul Ramli, Ustaz Shahidul Hisyam, Ustaz Syed Abdul Kodir dengan adanya orang-orang seperti begini walaupun *produser* tadi kita nampak ada kekurangan agama tetapi bila disebutkan struktur-struktur tertentu *produser* tadi akan merujuk kepada mereka yang ada fikrah agama. Ini untuk memberikan satu *greenlight* atau pun satu, oooo okay, yang ni no problem, okay ustaz ni dalam *line* yang betul. Walaupun pada hakikatnya seorang ustaz tidak perlu diragui, tetapi memandangkan suasana hari ini sokongan itu sangat diperlukan. Maka nasihat saya cadangan saya apa yang saya akan katakan *produser* yang mempunyai fikrah tidak agama akan menjadi bagus jika ada sokongan orang di sekelilingnya seperti FM, *Assistant Produser* yang mempunyai fikrah agama. Sebab, agak terlalu ideal jika kita ingin meminta program agama di kendalikan oleh *produser* yang mempunyai agama kesemuanya. Sebab, kita tak boleh menafikan orang yang beragama tak semestinya suka semua dalam bidang tersebut. Jadi, pandangannya ialah siapa *produser* yang tidak ada agama tetapi mempunyai *assistant assistant* agama, maka program ini akan menjadi program yang dipandu dengan elok. ...”

Menurut informan pengurusan TV M02, beliau sering melantik penerbit yang berpengalaman dalam penerbitan rancangan TV Islam. Ini bertujuan agar pemantauan lebih minimum berbanding penerbit yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan Islam dan tidak berpengalaman menerbitkan rancangan TV Islam yang memerlukan pemantauan yang lebih terperinci. Ini seperti yang beliau nyatakan di bawah:

“...Untuk program agama ni, saya suka pakai penerbit yang pernah buat program agama, sebab kita tak susah sangat nak memantau sebab dia dah tahu. Daripada kita ambil yang tak ada *background* langsung, atau selama ni tak pernah buat program agama, *so* nak buat tu boleh juga dia orang buat, tapi kita kena pantau lebih sikitlah. Kita takut benda yang kadang-kadang apa yang kita buat tu terkeluar sikit daripada ni kan. ...”

Secara keseluruhan, kefahaman agama seorang penerbit berdasarkan ilmu yang benar penting dalam menerbitkan rancangan TV Islam yang berkualiti.

## 2. Prinsip hidup Islam

Dalam penerbitan rancangan TV Islam juga, seorang penerbit harus mempunyai arah tuju dan prinsip hidup Islam yang kuat. Prinsip hidup yang berpaksikan kepada ketauhidan kepada

Allah. Ini kerana menurut informan pengurusan TV M03, dalam penerbitan rancangan TV Islam, ia memainkan peranan yang besar dalam menentukan kejayaan sesebuah rancangan yang diterbitkan. Ia melibatkan ilmu pengetahuan yang melibatkan perkara yang boleh disiarkan dan perkara yang tidak perlu disiarkan. Ini seperti yang dijelaskan di bawah:

“...Sebab kita ada prinsip, ada benda yang boleh kita buat, ada benda yang kita tak boleh buat. Kalau kita kena buat, tak kena dengan kita punya tu, tak boleh juga. Jadi, kalau kena buat tengok lah kena tunggu masa tu betul-betul berlaku ke tidak. Bagi saya, benda ini kena fikir dua kali lah, sebab dia membabitkan prinsip dan *long term* punya kerjaya kita. ...”

Menurut informan penerbit P02, minat juga mendorong kepada prinsip dalam penerbitan rancangan. Minat yang mendalam dalam penerbitan rancangan genre pendidikan adalah disebabkan cinta beliau kepada ilmu. Namun Informan berpendapat bahawa penerbit yang berperinsip tidak mampu menterjemahkannya dalam penerbitan rancangan kerana perlu mengikut hala tuju penerbitan rancangan. Oleh itu, informan berpendapat penerbitan rancangan akan lebih sempurna jika penerbit terlibat dalam membuat keputusan di peringkat pengurusan tertinggi. Ini merupakan kekangan penerbit kerana walaupun berprinsip namun perlu mengikut arahan pengurusan pembuat keputusan. Ini dengan jelas seperti berikut:

“...Saya suka sebab saya dapat ilmu. Kalau tak rancangan Islamik pun saya lebih suka kepada rancangan yang lebih informatif dan *education* lah. Dan lagi *best* kalau diberi peluang saya yang kendalikan program tu maknanya saya yang dalam *top management*. Sebab saya percaya sesuatu benda kalau dia nak berubah dia perlu *on the top* kalau saya dekat bawah saya tak boleh nak buat banyak benda *so decision* kena ada di situ. ...”

Melalui pengalaman informan penerbit P05, disebabkan prinsip hidup beliau telah melakukan perubahan apabila mula mendekati agama. Perubahan ini menyebabkan informan mula dipandang serong dan dijauhi rakan-rakan. Namun, penolakkan diri terhadap perkara tersebut adalah hadir dari dalam jiwa informan yang membenci kemaksiatan dan mula mencari keredaan Allah. Walaupun dipandang serong, disebabkan prinsip hidup untuk kembali kepada Allah memberi kekuatan kepada beliau. Cerita beliau seperti berikut:

“...Saya Astro Ria. Menyanyi. Melompat-lompat. Pakai pendek-pendek apa semua. Pergaulan. Kita tengok pun rasa tak sanggup. Pakai tali-tali semua tu kan. Walaupun kita tak macam tu tapi bila kita pergi solat orang pandang kita serong. Sebab dia rasa macam *distance* tau. Saya nak buat rancangan untuk mereka yang hu, ha, hu, ha, tapi dia rasa saya macam ustazah kot. ...”

Prinsip hidup Islam ini perlu diterapkan dalam seluruh institusi Islam seperti TV Al Hijrah seperti yang dinyatakan oleh informan pengurusan TV M04. Informan telah menyatakan bahawa beliau telah menerapkan prinsip Islam ini dalam kalangan kakitangan sejak beliau bertugas di stesen tersebut. Ini seperti yang beliau nyatakan seperti di bawah:

“...Saya tidak dan saya tidak berangan-angan. Semua boleh dilaksanakan. Saya sedih ketika itu apabila saya mendapat tahu Jakel yang berketurunan mamak memastikan kakitangannya solat lima waktu sehari kalau tidak tak boleh kerja dengan Jakel. Sama juga dengan Al-Ehsan, mamak juga tetapi kalau tak sembahyang lima waktu, tak dengar ceramah dianjurkan oleh Ehsan tak boleh kerja dengan Ehsan. Jadi saya tanya kalau kita di TV Hijrah salah satu saluran agama kenapa tak amalkan dulu. ...”

Ini menunjukkan prinsip hidup merupakan kepercayaan yang ditanam dalam diri dan teguh dengan kepercayaan tersebut. Malah ia mampu disebarkan kepada individu lain.

### 3. Kesedaran diri Islam

Kesedaran yang hadir dalam diri merupakan hidayah daripada Allah. Jadi peluang dan jalan untuk menjadikan diri mendapat kesedaran Islam tersebut dibuka oleh Allah bagi individu yang mencari kebenaran. Kesedaran ini hadir daripada sikap individu yang sentiasa berharap dan bergantung pada Allah. Menurut informan penerbitan P01, penerbitan rancangan TV Islam merupakan suatu peluang memahami Islam dengan lebih mendalam memandangkan usia sudah semakin lanjut kerana sebelum itu beliau lebih banyak terlibat dengan penerbitan rancangan hiburan. Bagi informan, penerbitan rancangan TV Islam merupakan suatu peluang yang diberi oleh Allah kepada beliau untuk memahami dan menimba ilmu Islam yang merupakan suatu yang baru bagi beliau dalam kerjaya. Menurut informan:

“...Sebenarnya *opportunity*, selain daripada umur dah naik, *opportunity* lah alamak sampai bila nak buat program hiburan je ni kan, *and* sebenarnya hiburan ni dah lama, Islamik ni baru, dan Islamik cabaran lagi besar sebab dia kita tak sesuka hati buat, kalau ikut skrip dia, perempuan tak boleh nyanyi, kalau nak ikut skrip dia, kita tak boleh pakai gitar tapi cabarannya dekat situlah. Dengan *netizen* punya *smash* lagi, cabaranlah lepas tu *opportunity*. Saya sebenarnya lebih kepada *opportunity* masa tu. Peluang, sebab dia baru. ...”

Terdapat beberapa informan yang mengalami pengalaman yang hampir sama dalam mencari kefahaman beragama. Disebabkan terasa kekosongan jiwa maka pencarian hidayah ini bermula untuk memahami makna hidup. Pengalaman ini seperti informan penerbit P05 yang menceritakan bahawa sepanjang terlibat dalam kerjaya ini beliau terlibat dalam pembikinan drama dan penerbitan rancangan hiburan sehingga suatu tahap jiwa berasa kosong. Allah memberi hidayahNya sehingga memudahkan informan bekerja di stesen TV Islam. Secara mendalam seperti dalam temubual di bawah:

“...Kita belajar, *so* kita suka nak buat drama suka nak buat *entertainment* sebab kita nak *explore*, nak *explore* kan. Sampai tahu tahap rasa kosong. Apa kau buat. Tak ada makna pun. Balik-balik tengok orang nyanyi-nyanyi joget, joget, joget. Lepas tu drama peluk-peluk. Suami orang, kau bini orang, kau peluk-peluk. Lepas *scene* tak suruh buat tu pun mereka *mainly* buat sendiri. Sampai saya sendiri dah tak boleh nak tengok monitor tu pun saya *blah* sebab saya malu. Jadi, saya kata saya dah tak boleh nak buat sebab saya ni pengarah aib tengok benda tu macam tu. Jadi mungkin sebab tu Allah dah panggil kut. Sini pun senang je masuk. Masa tu macam susah nak masuk tapi sekali call panggil *interview* dapat masuk. Jadi saya rasa saya dipilih dan saya dipanggil untuk ke sini. ...”

Informan penerbit P11 turut berpandangan bahawa kesedaran diri untuk terlibat dalam penerbitan rancangan TV Islam ini merupakan jalan hidayah Allah. Beliau telah terlibat dalam membuat dua rancangan berbeza yang mana salah satunya bukan rancangan TV Islam. Disebabkan hidayah Allah dan doa ibu bapa, maka hati informan berasa tidak selesa dan tidak tenteram apabila terlibat dalam program yang tidak Islamik. Walaupun beliau menjaga solat tetapi jiwa tidak tenteram. Ini menimbulkan kesedaran yang tinggi dalam diri beliau untuk fokus kepada penerbitan rancangan TV Islam. Pengalaman informan seperti di bawah:

“...Satu lagi sebab hidayah kut. Allah tu gerakan hati. Masa saya buat NONA tu saya buat dua program saya buat NONA saya juga buat Hidayah. Dua benda yang berbeza. *Woman*, agama, *woman*, agama, tapi masa tu bila orang tanya saya, kau buat apa saya cakap NONA. Sebab nama besarkan. Saya tak cakap saya buat Hidayah. Tapi bila ada satu masa saya rasa macam hati macam tak kena. Kita ni solat. Solatlah. Memanglah orang kata awal waktu tidaklah, tapi solat lah kan. Solat tapi dia jadi macam apa yang aku buat jadi macam tak kena. Jadi macam bukan jiwa kita. ...”

Namun begitu menurut informan penerbit P08, keutamaan dalam diri seorang penerbit rancangan TV Islam adalah kesedaran untuk mendekati diri dengan ilmu agama. Daripada usaha tersebut, hidayah daripada Allah akan sampai ke dalam diri penerbit tersebut. Ringkasnya seperti kenyataan beliau di bawah:

“...Kesedaran tu perlulah kita kena bagi tapi kadang-kadang orang panggil hidayah tu bukan dari manusia dari Allah Taala yang bagi hidayah tu jadi kita cakap macam mana pun Dia punya ni jugalah. ...”

Menurut informan P10, perjalanan hidup seseorang ditentukan oleh Allah. Kehadiran hidayah daripada Allah berlaku secara sedar atau tidak yang mana percaturan kehidupan oleh Allah ini adalah yang terbaik untuk setiap individu. Kesedaran untuk fokus kepada penerbitan rancangan TV Islam terdetik dalam hati secara tiba-tiba walaupun pada peringkat awal tugas adalah arahan pihak pengurusan. Namun begitu, lama-kelamaan muncul perasaan bahagia dengan semua tugas penerbitan rancangan TV Islam. Ini merupakan suatu yang menguntungkan apabila Allah telah takdirkan seseorang untuk menjalankan kerja-kerja dakwah dan ibadah. Ia dinyatakan seperti berikut:

“...Tak tahulah macam mana terdetik tapi mungkin Allah bagi hidayah jugalah macam kita, kawan ramai. Dekat situ ada yang buat program agama ada yang buat program ini. Bila kita bersama-sama di bawah satu *department* yang ada juga agama yang ada juga *content* dan *lifestyle*. *First* tu mula-mula dapat arahan je kau kena buat ni, lama-lama jiwa tu muncul sendiri. ...”

Informan pengurusan TV M01 berpandangan bahawa kesedaran diri merupakan keutamaan dalam menerbitkan rancangan TV Islam. Pengetahuan yang mendalam dalam ilmu agama tidak perlu mendalam tetapi perlu mempunyai asas. Ini kerana realitinya majoriti penerbit tidak mempunyai latar belakang pendidikan Islam seperti yang dinyatakan di bawah:

“...*Not necessary* mendalam lah, *at least* dia ada asas sedikit. *At least* dia ada. Aku pun sekolah agama darjah khas aku cabutlah. Hahaha, kesedaran itu yang penting. ...”

Menurut informan penerbit P11, kesedaran diri itu penting untuk hadir dalam diri penerbit. Ini kerana, ia akan bakal disusuli dengan minat untuk menerbitkan rancangan TV Islam yang berkualiti. Kesedaran dan minat ini akan hadir kerana penerbit akan berurusan dengan personaliti Islam yang mempunyai akhlak yang baik dan sentiasa menjaga ibadah dan adab. Pengaruh akhlak personaliti Islam akan mempengaruhi diri penerbit menjadi insan berfikrah Islam seperti kenyataan di bawah:


“...Itulah kadang-kadang bila kita duduk dengan orang yang baik-baik ni kita sendiri nak jadi jahat pun tak boleh. *So* baiklah aku duduk dengan orang baik-baik kan sebab aku pun tak berapa baik. Supaya kita bentukkan hati kita ni supaya jadi baik. Sebenarnya lah. Kesedaran, lepas tu minat. Pada saya kesedaran tu penting dan datang sendiri minat tu akan ada. ...”

Hidayah Allah ini merupakan rahmat yang tidak ternilai bagi mereka. Jadi ia merupakan asas yang membawa kepada keimanan dengan mentauhidkan Allah.

## KESIMPULAN

Fikrah penerbit TV Islam yang berpegang teguh kepada akidah Islamiah adalah penting. Dalam penyiaran Islam, seorang penerbit berfikrah Islam berasaskan tauhid harus mempunyai kefahaman Islam dengan ilmu, berprinsip hidup Islam dan mempunyai kesedaran diri Islam. Berdasarkan analisis, didapati bahawa nilai dalaman diri seorang penerbit rancangan TV Islam

adalah merupakan fikrah yang perlu dibentuk berteraskan tauhid yang terkandung dalam Rukun Iman. Ia merupakan landasan kehidupan muslim yang telah ditetapkan Allah melalui Nabi Muhammad SAW agar seluruh ruang kehidupan umat Islam mempunyai pandu arah yang jelas. Secara ringkas gambarajah di bawah menerangkan elemen fikrah penerbit berasaskan yang mempengaruhi kualiti dalam menerbitkan rancangan TV Islam.



**Gambarajah 3: Pengaruh Fikrah Penerbit Berasaskan Tauhid Terhadap Penerbitan Rancangan TV Islam Berkualiti**

Oleh itu, penerbit rancangan TV Islam perlu berilmu dalam beragama kerana ini akan memberikan mereka kelebihan untuk menterjemahkan penerbitan rancangan TV Islam yang berkualiti dalam kerangka kreativiti yang berteraskan Islam. Ia memandu segala usaha penerbit agar menjadi ibadah dan saham mereka yang mendapat ganjaran di dunia dan akhirat.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid Abu Sulayman. (2011). *The Qur'anic Worldview: A Springboard for Cultural Reform*. International Institute of Islamic Thought, Herndon.
- Abu Abdullah Hanafi Dollah (2006) *Kamus Al-Khalil, Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab*. IIUM Press, Gombak
- Asiah Sarji & Nur Kareelawati Abd Karim (2011). *Kajian Filem Arahan Pengarah Muda Sebagai Saluran Dakwah Di Malaysia*. Representasi Islam Dalam Media. USIM: Nilai
- Awang Sariyan (2010). *Asas Falsafah dan Pemikiran Melayu Berteraskan Islam*. IKDAS & ABIM, Kuala Lumpur.
- Azizan Bahari (1998). *Modenisasi: Implikasi Dan Cabaran Kepada Belia*. Dlm. Azimi Hamzah & Turiman Suandi. Pengukuhan Sinergi Belia dan Negara. Aslita Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
- Chris Barker (1997). *Global television: An introduction*. Wiley-Blackwell.
- Cohen, L. B. & M. (2004). *Film Theory and Criticism: Introductory Readings* (6th ed., pp. 561–564). New York: Oxford University Press.
- Fathi Yakan (2008) *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*: Dewan Pustaka Fajar.
- Fikhry Hakim Fadzilullah (2015). *Konsep Pengurusan Konflik Menurut Perspektif Barat dan Islam: Suatu Perbandingan*. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah. Disunting oleh; Ahmad Irdha Mokhtar dan Zulkefli Aini. Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi.



- Firuzabadi, Muhammad ibn Ya'qub (1952) *Al-Qamus al-Muhit wa al-Qabus al-Wasit*, Mustafa al-Bab al-Halabi, Cairo.
- Gronroos, C. (1984). *A Service Quality Model and Its Marketing Implications*. European Journal of Marketing. 18(4), pp. 23-28.
- Haron Din (1992). *Tasawwur Islam*. Edisi kedua. Penerbitan HIZBI. Shah Alam
- INTAN (1994). *Citra Karya: Falsafah, Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia*. INTAN. Petaling Jaya.
- Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Sidek Mohd Noah, Hasnan Kasan, Steven Eric Krauss, Khairul Anwar Mastor, Turiman Suandi, Fazilah Idris (2013). *Prinsip Pengukuran Religiositi dan Personaliti Islam*. Journal of Psychology & Human Development. (2013) 1: 36-43.
- Kamus Dewan, Edisi Keempat (2007) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kolker, R. (2002). *Film, Form and Culture*. New York: Mc Graw Hill.
- Marzuki Sepiaail, Rina Fakhizan Mohd Sukri & Alias Mat Saad (2016). *Komunikasi dan Penyiaran Dalam Islam*. Shah Alam. Oxford Fajar.
- Maxwell J. A. (2009) *Designing a Qualitative Study*. In N.A.R Leonard Bickman, Debra J. Rog (Ed.), *The SAGE Handbook of Applied Social Research Methods* (2nd Ed., pp 214-253). California USA: SAGE Publication.
- Megat Al Imran Yasin. (2004). *Political Economy of Malaysian Documentary Productions*. PhD Thesis. University of Cardiff Wales, United Kingdom.
- Mohd Shukri Hanapi (2012). *Pembentukan Tasawur Dan Kesan Terhadap Pembangunan Tradisi Keilmuan Islam*. International Journal of Islamic Thought. Vol. 2: (Dec)
- Musa Abu Hassan & Narimah Ismail (1998). *Potensi Media Massa Dalam Pembentukan Budaya Belia*. Dlm. Azimi Hamzah & Turiman Suandi. Pengukuhan Sinergi Belia Dan Negara. Kuala Lumpur: Aslita Sdn. Bhd.
- Papathanassopoulos, S., (1993). *Liberating Television*, Kastaniotis Editions, Athens.
- Raines, H. J. (2009). *Auteur direction, collaboration and film music: Re-imaginings in the cinema of Rodriguez and Tarantino*. Tesis Sarjana Jabatan Muzik, University of Ottawa. <http://search.proquest.com/docview/192932155/abstract/F62359D643324573PQ/1?accountid=41453>
- Rohi Baalbaki (1995). *Al-Mawrid: A Mordern Arabic-English Dictionary*. 7th ed. Beirut. Dar El-Ilm Lilmalayin.
- Sarris, A. (1962). *Notes on the Auteur Theory in 1962*. Film Culture, No. 27, (Winter, 1962/3). pp.1-8. <https://dramaandfilm.qwriting.qc.cuny.edu/files/2011/06/Sarris-Notes-on-the-Auteur-Theory.pdf>
- Sheikh Ahmad Mahmoud (1995). *The Da'wah to Islam* (1st ed.). Retrieved from [www.khilafah.com](http://www.khilafah.com)
- Simpson, P. Utterson, A. Shepherdeson, K.J. (2004). *Film Theory: Critical Concepts in Media and Cultural Studies*. London. Routledge
- Siti Raba'ah Hamzah (2013). *Pengaruh Faktor Psikososial Terhadap Tingkahlaku Hedonism Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rugayah Hj. Tibek (2000). *Peranan Drama Dalam Dakwah : Kajian Drama Dakwah TV1 dan TV3*. Tesis Kedoktoran. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan. Universiti Malaya.
- Strauss, A. L. (1995). *Notes On The Nature And Development Of General Theories*. Qualitative Inquiry 1, 7-18
- Syed Husin Ali (1987). *Pengaruh Politik Ekonomi Organisasi*. Dewan Budaya. Jilid 9. Bil 9. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

- Syed Mohd. Naquib al-Attas (2011). *Islam dan Sekularisme*. Cetakan Kedua Bahasa Indonesia. PIMPIN: Bandung.
- Wawarah Saidpuhin (2015). *Cinta Kun Fayakun, Warkah Cinta dan Cinta & Wahyu: Analisis Kepengarangan Mior Hashim Manap*. Tesis Ijazah Sarjana Sains Sosial (Pengurusan Komunikasi). Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Wawarah Saidpuhin (2018) *Seni Drama Islamik: Sifat Pengarah dan Proses Kepengarangan*. Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah 2018 (ICoMM 2018) (pages 88-99)
- Word Princeton (2017) <http://wordnet.princeton.edu/>
- Yusuf Al-Qaradawi (2012) *Islam Holistik. Praktikal, Sesuai di Setiap Masa dan Tempat*. Terj: Juanda Jaya. Syabab Book Link: Bandar Baru Bangi.
- Zulkiple Abd Ghani (2006). *Islamic Broadcasting: A Search for Islamic Identity*. Hamdard Islamicus, Vol. XXIX, April-Jun. pp. 23-33.

### BIODATA PENULIS

Md. Rozalafri Johori merupakan Pensyarah di Jabatan Bahasa Inggeris dan Komunikasi, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Graduan PhD Komunikasi Massa Universiti Putra Malaysia (UPM). Bidang penyelidikan adalah pengajian media, penyiaran Islam, ekonomi politik media dan komunikasi korporat.

Dr. Megat Al-Imran Yasin merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Bidang Penyelidikan adalah penyiaran, produksi dokumentari, pengajian media, dan komunikasi.

Prof. Madya Dr. Nor Azura Adzharuddin merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Bidang Penyelidikan adalah pengiklanan media baru & media tradisional, pengesahan selebriti dalam periklanan, penilaian memori dan sikap, strategi komunikasi pemasaran bersepadu, dan komunikasi korporat.

Dr. Rosya Izyanie Shamshudeen merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Bidang Penyelidikan adalah pengajian media, penyiaran, kajian budaya dan budaya popular.